



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

INISIATIF BELANJAWAN KERAJAAN NEGERI BANTU RAKYAT MELALUI SIMPAN SSPN DAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas inisiatif dan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Johor, Selangor, Sarawak, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Sabah dalam menyokong usaha murni memupuk budaya menabung dengan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) dan bayaran balik pinjaman melalui pembentangan Belanjawan Tahun 2026 negeri masing-masing.
2. Inisiatif Belanjawan Kerajaan Negeri 2026 adalah seperti berikut:
 - i. Belanjawan Negeri Johor 2026 pada 13 November 2025 telah memperuntukkan sebanyak RM24.6 juta di bawah inisiatif Bantuan Kasih Johor (BKJ) atau BKJ Anak Yatim Negeri Johor. Inisiatif ini diberikan dalam bentuk tunai dan Simpan SSPN sebanyak RM2,000 seorang yang akan memanfaatkan seramai 12,307 anak yatim.
 - ii. Belanjawan Negeri Selangor pada 14 November 2025 telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta di bawah Program Iltizam Anak Selangor (ANAS) diteruskan dengan pemberian RM100 setahun kepada 30,000 anak kelahiran negeri Selangor untuk tempoh lima (5) tahun bagi permohonan yang telah diluluskan.
 - iii. Belanjawan Negeri Sarawak 2026 pada 24 November 2025 memperuntukkan sebanyak RM15 juta bagi Program Insentif Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Anak Sarawak.
 - iv. Belanjawan Negeri Perak 2026 pada 25 November 2025 memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak (TASPEN). Inisiatif ini menyediakan RM200 dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime untuk anak kelahiran Perak berumur di bawah 13 tahun.
 - v. Belanjawan Negeri Melaka pada 5 Disember 2025 memperuntukkan sebanyak RM200,000 bagi inisiatif Program MeSRa Bayi. Melalui program ini, insentif diberikan kepada kelahiran bayi baharu Anak Melaka sebanyak RM50 melalui akaun Simpan SSPN Prime dan sebagai penghargaan istimewa kepada bayi yang lahir pada hari pembentangan bajet akan menerima insentif sebanyak RM150 seorang.
 - vi. Belanjawan Negeri Sembilan 2026 pada 5 Disember 2025 memperuntukkan sebanyak RM1.6 juta kepada kelahiran bayi baharu dengan insentif sebanyak RM100 di Simpan SSPN.

- vii. Belanjawan Negeri Pahang 2026 pada 5 Disember 2025 memperuntukkan sebanyak RM6.5 juta bagi Program Permata Makmur serta bantuan pengurangan bayaran balik pinjaman PTPTN Ijazah Pertama anak Pahang yang baru bekerja bermula tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak RM7 juta.
- viii. Belanjawan Negeri Sabah pada 12 Disember 2025 meneruskan inisiatif bantuan pendidikan sedia ada iaitu Bantuan Tunai Pendaftaran IPT secara One Off (BUDI), Bantuan Khas Tunai Peperiksaan (BAKTI) dan Bantuan Ihsan Tabung Pendidikan Negeri Sabah (BISTARI).

3. YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN berkata, "Saya melihat pengumuman ini sebagai manifestasi komitmen Kerajaan Negeri yang amat menitikberatkan aspek pendidikan dalam agenda pembangunan insan. Pelbagai inisiatif yang diumumkan dalam Belanjawan 2026 oleh Kerajaan Negeri Johor, Selangor, Sarawak, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Sabah jelas menunjukkan kesungguhan dalam memperkukuh ekosistem pendidikan negeri masing-masing melalui pendekatan yang inklusif dan mampan. Saya yakin, melalui kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dan PTPTN, lebih ramai pelajar akan mendapat manfaat, sekali gus melahirkan generasi berilmu dan berdaya saing untuk masa depan negara."

4. "PTPTN turut menghargai komitmen Kerajaan Negeri yang telah mengambil langkah proaktif dalam Belanjawan Negeri 2026 masing-masing untuk memperkenalkan insentif berkaitan Simpan SSPN dan bayaran balik pinjaman sebagai usaha memperluas akses pendidikan tinggi dan meringankan beban kewangan pelajar. Sehubungan itu, saya menyeru agar lebih banyak Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama dalam penyaluran insentif pendidikan dan pelaksanaan program kebajikan rakyat. Pendekatan ini bukan sahaja memberi manfaat jangka panjang kepada rakyat, malah menyokong agenda nasional dalam membudayakan penabungan serta menjamin masa depan pendidikan anak-anak Malaysia," tambah beliau.

5. Simpanan melalui Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan antaranya pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful percuma kepada pendeposit bagi simpanan RM1,000 ke atas, Geran Sepadan sehingga RM10,000 bagi keluarga yang layak, kadar dividen yang kompetitif, patuh syariah serta jaminan simpanan oleh kerajaan.

Diedarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
23 Disember 2025**

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)